

BSN bersiap untuk tugas lebih berkesan

KUALA LUMPUR, Khamis — Jentera pentadbiran Biro Siasatan Negara (BSN) akan diperkemas bagi memastikan peranannya bertambah licin dan berkesan, kata Ketua Pengarah BSN baru, Datuk Abdul Aziz Ahmad, hari ini.

Langkah ini, katanya, sejajar dengan kehendak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang inginkan jentera pentadbiran kerajaan berjalan bersih dan cekap.

"Kami akan cuba sedaya upaya meningkatkan perkhidmatan dengan meletakkan pegawai-pegawai yang lebih cekap," katanya.

Menurut beliau, BSN memerlukan pegawai-pegawai yang cekap, matang, cepat bertindak dan tidak menyebelahi mana-mana pihak.

Amalan rasuah

"Seramai 750 pegawai dan kakitangan BSN akan diarah mematuhi apa juga dasar dalam Biro ini," katanya.

Jika boleh, pertukaran pegawai akan dilakukan bagi memastikan mereka bekerja di bahagian yang mereka pakar sesuai dengan pengalaman.

Datuk Abdul Aziz kemudian memberi amaran kepada pegawai-pegawainya, tindakan tegas akan diambil jika mereka menyeleweng dari tugas yang diamanahkan.

Mengenai peranan BSN, beliau berkata, pihaknya memerlukan kerjasama sepenuhnya dari orangramai khususnya amalan rasuah orang-orang tertentu.

Orangramai perlu melapor atau memberi maklumat kegiatan rasuah bagi memudahkan pegawai-pegawai Biro Siasatan Negara bertindak dan menyalasat, tegasnya.

Timbalan baru

Beliau berkata, BSN sedang dalam proses mengambil 350 pegawai dan kakitangan baru untuk memperkemas dan melengkapkan lagi jentera pentadbirannya.

Datuk Abdul Aziz mengambilalih jawatan Ketua Pengarah BSN semalam menggantikan Datuk Abdullah Ngah.

Timbalan barunya, Encik Abu Bakar sebelum ini berkhidmat sebagai Ketua Pengarah, Jabatan Pengangkutan Jalan.